



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN MASJID TANAH
PEJABAT SEKRETARIAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

26 FEBRUARI 2025

KENYATAAN MEDIA PEMBENTANGAN PENYATA TINDAKAN SUSULAN PAC TERHADAP MAJLIS PROFESOR NEGARA

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) hari ini membentangkan Penyata PAC berhubung Tindakan Susulan Jabatan Perdana Menteri Dan Majlis Profesor Negara Bagi Syor-syor Penyata PAC Berhubung Majlis Profesor Negara Di Bawah Jabatan Perdana Menteri.
2. Penyata ini adalah bagi memaklumkan tindakan susulan yang diambil Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Majlis Profesor Negara (MPN) terhadap syor-syor PAC dalam Penyata PAC berhubung Majlis Profesor Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri (DR.38/2024) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 7 November 2024, seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 304 (b) Tahun 2023.
3. Justeru, PAC mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC tersebut pada 21 Januari 2025. Saksi-saksi yang hadir memberi keterangan dan penjelasan adalah:
 - i. YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);
 - ii. YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM; dan
 - iii. YBhg. Profesor Ir. Ts. Dr. Md. Yusoff bin Taib, Ketua Pegawai Operasi, MPN.

4. Dalam setiap tindakan susulan yang diambil oleh JPM terhadap syor-syor PAC berhubung MPN, Jawatankuasa ini turut memberikan ulasan kepada setiap tindakan susulan berkenaan.
5. Berhubung keputusan Kerajaan sama ada untuk mengekalkan MPN sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) atau diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), PAC mengambil maklum satu Memorandum Jemaah Menteri (MJM) berhubung penetapan hala tuju status MPN telah disediakan oleh JPM untuk diputuskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri.
6. Justeru, PAC memohon supaya JPM dapat mengedarkan dengan segera sebaik sahaja keputusan Jemaah Menteri diperolehi dan memaklumkan kepada PAC secara bertulis terhadap keputusan Kerajaan berhubung status MPN tersebut.
7. Ini juga adalah berkait dengan pindaan Artikel Pertubuhan MPN yang kini sedang dalam tindakan SSM, yang mana PAC mengambil maklum pihak SSM turut menunggu keputusan Jemaah Menteri berhubung kedudukan MPN sebelum meluluskan pindaan artikel tersebut terutamanya mengenai penyertaan wakil Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah MPN.
8. PAC juga berpandangan pihak Kerajaan boleh melihat dari sudut keperluan penggabungan/ kerjasama strategik yang boleh dilaksanakan antara MPN dan badan-badan pemikir (*think tank*) yang lain seperti *Institute of Strategic & International Studies* (ISIS) dan lain-lain agensi berkaitan, seterusnya menyelaras fungsi sebagai *think tank* kepada Kerajaan yang merangkumi pelbagai bidang.

9. Selain itu, PAC dimaklumkan Setiausaha Syarikat MPN, Tetuan Tengku Naufal & Co. yang dilantik secara sementara (*interim*) akan meletakkan jawatan sehingga isu-isu berkaitan yang dihadapi oleh MPN diselesaikan. Seperti syor yang diberikan PAC sebelum ini, MPN hendaklah memastikan Setiausaha Syarikat yang akan dilantik selepas ini mempunyai kompetensi yang sesuai dalam menjalankan tugasnya sekaligus memastikan kelancaran tadbir urus MPN.
10. Berhubung permohonan untuk mendapatkan kelulusan Menteri berkaitan pembayaran elaun LPA dan pembayaran hutang operasi MPN yang tertunggak, PAC dimaklumkan permohonan tersebut telah dikemukakan kepada pihak MOF untuk kelulusan. Pihak JPM disarankan untuk menyusuli permohonan tersebut dengan segera.
11. Selanjutnya, PAC mengambil maklum tindakan pemantauan yang diambil JPM dalam memastikan syarikat-syarikat termasuk semua NGO dan Pertubuhan Antarabangsa di bawah kawal selia JPM. JPM disarankan supaya lebih proaktif dan serius melaksanakan aktiviti-aktiviti pemantauan terhadap operasi/ urus tadbir syarikat-syarikat di bawah JPM tersebut melalui langkah-langkah penambahbaikan yang telah digariskan dalam memastikan kepentingan pihak-pihak berkaitan sentiasa dipelihara terutamanya di pihak Kerajaan.
12. Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti setiap tindakan susulan JPM dan MPN serta ulasan PAC boleh memuat turun (*download*) penyata berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac.

Terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin